

Pengangguran belia turun kepada 5.3 peratus

BH
- 17/7/2022
w/d: 2

Kadar dijangka terus berkurangan jika generasi muda manfaat inisiatif kerajaan

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Tuaran: Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 40 tahun di negara ini turun kepada 5.3 peratus bagi suku pertama 2022 berbanding 5.9 peratus tempoh sama tahun lalu, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menjelaskan, ia menjadikan bilangan penganggur di Malaysia bagi tempoh itu seramai 585,000 orang berbanding 627,000 sepanjang tempoh sama 2021 dan dijangka terus turun jika belia mengambil tahu dan peduli mengenai pelbagai inisiatif serta program tersedia untuk mereka.

Terbaru, katanya, kerajaan melalui kerjasama strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) memberi le-

bih tumpuan kepada pertanian bandar.

“Ini strategi bagi meningkatkan pembabitan belia dalam sektor agromakanan selain Program Agropreneur Muda.

“Sejumlah 8,000 usahawan muda sudah menerima bantuan meliputi geran, pembiayaan dan kursus jangka masa pendek, khidmat nasihat teknikal dan kewangan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan sambutan Hari Belia Negara 2022 Peringkat Kebangsaan yang turut dihadiri Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor serta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu di Padang Pekan Tuaran, di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, sektor agromakanan dapat memberi pendapatan lumayan kepada pengusaha jika diurus dan diusahakan bersempena dengan menggunakan teknologi terkini, selain menjamin kualiti pengeluaran yang boleh dieksport bagi membantu menambah hasil negara.

Pembabitan belia diperkasa

“Pembabitan belia dalam sektor agromakanan akan diperkasa melalui program Agro Job Fair @ MAHA 2022 pada bulan depan yang menawarkan 5,000 peluang pekerjaan oleh syarikat yang menyertainya,” katanya mengajak graduan bermi-



Ismail Sabri melambai kepada pengunjung pada Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan di Tuaran, semalam.

nat serta belia merebut peluang berkenaan.

Sempena sambutan Hari Belia Negara di Tuaran, katanya, segmen Y-Career, iaitu peluang kerja yang membabitkan 30 syarikat yang menawarkan 1,000 peluang pekerjaan untuk belia turut dibawa ke daerah ini.

Menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) pula, Ismail Sabri berkata, semua kementerian dan agensi masing-masing turut menyediakan pelbagai program membabitkan belia agar golongan itu dapat terus memainkan peranan dalam pembangunan negara.

Beliau memberi contoh, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melaksanakan Program Bank Rakyat UNIPreneur yang membabitkan 500 mahasiswa dari setiap 25 universiti awam dan swasta mulai bulan ini.

Program Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY) pula, katanya, bertujuan melahirkan usahawan francais atau prafrancis di bawah KUSKOP dan sehingga akhir bulan lalu, ia telah menerima 26 permohonan pembiayaan berjumlah RM4.31 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri memaklumkan, Indeks Belia Malaysia (eMYInd)

2021 menunjukkan skor kesejahteraan mental dan fizikal belia di negara ini berada pada tahap sederhana, disebabkan pandemik COVID-19.

Katanya, perkembangan itu yang menjadikan belia pengguna teknologi dan media sosial yang tinggi sehingga menjalani kehidupan tidak aktif, perlu ditangani melalui pembabitan generasi itu dalam aktiviti sukan dan amalan gaya hidup bagi meningkatkan semula skor kesejahteraan belia negara ini.

Sehubungan itu, Ismail Sabri berkata, satu inisiatif baharu pembedayaan untuk bersukan khusus bagi belia, *Malaysia Sports League* (MSL) diperkenalkan dengan sasaran 133,000 peserta melalui 2,232 program yang keseluruhannya memberi manfaat kepada lima juta individu di seluruh negara.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa kerajaan percaya Model Baharu Pembangunan Belia 2030 yang sedang dirangka dapat direalisasikan sebagai agenda mutakhir bagi memperkasakan elemen belia sebagai sumber dan aset negara.

“Justeru, belia Keluarga Malaysia perlu sentiasa memenuhi masa dengan perkara yang berfaedah

untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara,” katanya menambah, KBS turut membangunkan eMYInd untuk beliau mendapatkan maklumat dan menyertai program bersesuaian.

Cungkil bakat muda

eMYInd adalah sistem bersepadu bagi merekodkan maklumat program pembangunan belia di negara ini.

Selain itu, katanya, Program Malaysia Techlympics oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang dilancarkan awal tahun ini dijangka mendapat penyertaan satu juta anak muda yang dapat memupuk minat mereka dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

“Program ini juga untuk mencungkil bakat muda seawal tujuh tahun sehingga 30 tahun dalam bidang kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IoT), robotik, kod, drone dan bidang teknologi,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga memperuntukkan RM5.5 juta di bawah inisiatif bantuan pentadbiran kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) dan pertubuhan belia lain bagi memperkasa peranan masing-masing.